

18 OCT 1999

Mahathir-Sidang Kemuncak

MAHATHIR CADANG TABUNG KEWANGAN ASIA TIMUR

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 18 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengingkari kecaman masyarakat antarabangsa kerana menggunakan kawalan modal terpilih untuk menyelamatkan negara daripada krisis kewangan serantau, telah mencadangkan penubuhan Tabung Kewangan Asia Timur (EMF), akibat daripada pergolakan itu.

Kalaupun tabung seumpama itu wujud, krisis berkenaan tidak akan berlaku atau menjadi begitu teruk, katanya pada satu perhimpunan Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur yang dirasmikan di sini hari ini.

"Kita di Asia Timur boleh memulakan dengan menubuhkan Tabung Kewangan Asia Timur (EMF), sebuah pertubuhan kewangan serantau yang kecil dan padat yang akan melibatkan diri secara mendalam dalam proses harian kerjasama dan masalah kewangan Asia Timur dan bukannya atas dasar apabila berlakunya sesuatu krisis yang mungkin sekali dalam sedekad," kata Dr Mahathir dalam ucapannya mengenai kerjasama Asia Timur dalam abad baru.

Menyerikan forum yang sama yang telah mengecam langkah-langkah beliau tahun lepas, Dr Mahathir juga berkata negara-negara Asia Timur perlu diberikan hak menentukan keazaman diri dan bukannya dipaksa oleh kuasa tertentu.

Beliau berkata negara-negara Asia Timur makmur ketika dulu kerana mereka pantas bergerak dan berupaya mencipta dan mencipta semula diri mereka mengikut formula berlainan dalam menyahut cabaran.

"Perkara yang paling penting ialah bukannya bagaimana matlamat kita dicapai tetapi sama ada matlamat yang kita capai adalah baik. Kita akan melakukannya dengan cara kita sendiri dan dunia tidak patut mengecam dan menghalang kita semata-mata cara kita berbeza," katanya berterus terang seperti biasa.

"Saya percaya kejayaan kita pada masa depan akan terus bergantung kepada penumpuan kita terhadap pragmatisme, untuk melakukan apa yang boleh berjaya bagi kita -- ekonomi kita yang unik dan bagi masyarakat kita yang unik.

"Sepuluh tahun akan datang akan menjadi masa untuk kita membina diri sekali lagi. Saya percaya bahawa sekali lagi kita akan berjaya, di sebalik kecacatan dan kelemahan kita -- dan di sebalik ramalan menakutkan kepada yang sebaliknya," katanya.

Forum tiga hari itu, anjuran Forum Ekonomi Dunia berpangkalan di Geneva, dihadiri oleh lebih daripada 700 pemimpin politik dan ahli perniagaan dari dalam dan luar rantau ini serta pegawai-pegawai penting daripada pertubuhan antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

Pengkritik kuat spekulator kewangan, Dr Mahathir berkata kapitalisme global tidak boleh berjaya atau berkembang maju jika "membuat keuntungan tanpa memikirkan akibatnya terhadap manusia menjadi fahamannya."

"Kapitalisme global mempunyai potensi besar untuk menghasilkan kekayaan bagi semua manusia. Ia akan menjadi tragedi bagi manusia jika, disebabkan oleh segelintir kapitalis yang rakus, satu era baru anti kapitalisme akan wujud," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Asia tidak harus dianggap bodoh atau pemimpinnya korup, dengan menarik perhatian bahawa usaha-usaha mereka telah berjaya menjadikan negara-negara Asia sebagai gergasi ekonomi.

Mengimbas pengalaman pahit Malaysia dalam mencari jawapan kepada krisis itu termasuk mematuhi cara dan langkah IMF pada satu peringkat, Dr Mahathir

menekankan IMF telah menyifatkan pemulihan Malaysia sebagai umumnya serupa dengan negara-negara lain.

"Bagaimanapun, izinkan saya menarik perhatian bahawa dalam kes Malaysia, kami telah mencapai pemulihan hebat yang serupa tanpa perlu berhutang besar dengan IMF atau orang lain dan tanpa perlu membebankan generasi akan datang dengan tanggungan pembayaran hutang yang banyak," katanya.

Ia juga dicapai tanpa pertumpahan darah di jalanan, pergolakan politik atau perlu melelong perbadanan-perbadanan Malaysia pada harga jualan kebakaran, katanya.

Dr Mahathir berkata hakikat bahawa Malaysia tidak perlu tunduk kepada sesiapa adalah penting bagi rakyat Malaysia.

"Kami bukannya angka-angka keluaran komputer. Kami ini manusia, yang hidup dan bernyawa dengan perasaan gembira dan sedih, punya perasaan bangga dan malu seperti manusia lain," katanya.

Sambil menekankan beliau bukannya bertujuan untuk turut serta mengecam IMF. Dr Mahathir berkata beliau agak yakin bahawa kalaulah Malaysia meminta bantuan pertubuhan antarabangsa itu seperti yang didesak beberapa kali, Malaysia akan terpaksa melakukan perkara-perkara yang akan memusnahkan ekonominya, negara dan masyarakat.

Ia akan berlaku bukan kerana niat jahat tetapi disebabkan kurang pemahaman dan wawasan pakar-pakar IMF terhadap ekonomi Malaysia, katanya.

Beliau juga mengulangi bahawa Malaysia bukannya menentang para pelabur ekuiti asing tetapi menghargai mereka yang membantu membina daya pengeluaran lebih daripada mereka yang mencari keuntungan mudah.

-- BERNAMA

TCL RON